

Sumbangan Nilai Pendidikan Islamik Terhadap Kemahiran Insaniah
Dalam Kalangan Pelajar Institut Pendidikan Guru

Rozita Md. Noh, PhD
rozitamdnoh@gmail.com
IPG Kampus Pendidikan Islam

Ibrahim Mohamed Zin, PhD
imzp25676@yahoo.com
Kementerian Pendidikan Malaysia

Abstrak

Pengaplikasian nilai pendidikan Islamik iaitu *mudarris*, *muaddib*, *murabbi*, *mursyid* dan *muallim* atau 5M serta elemen Kemahiran Insaniah sangat penting bagi para pelajar di institut perguruan kerana mereka merupakan bakal guru dan akan mendepani pelbagai cabaran. Kajian ini bertujuan melihat hubungan nilai 5M dalam latihan pengajaran dan pembelajaran yang telah mereka lalui semasa Praktikum Fasa 1 dan 2 di sekolah dan pengaplikasian kemahiran insaniah dalam kalangan mereka. Kajian ini merupakan kajian tinjauan deskriptif dan inferensi yang melibatkan para pelajar tahun akhir Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan di IPG Kampus Pendidikan Islam. Dapatan kajian ini menunjukkan nilai pendidikan islamik yang mendapat skor min tertinggi ialah *muaddib* (min 4.58, sp 0.45) dan skor min yang terendah ialah *mudarris* (min 4.13, sp 0.48). Manakala elemen kemahiran insaniah yang mendapat skor min tertinggi adalah elemen berpasukan (skor min 4.46, sp 0.45) dan skor min terendah ialah elemen globalisasi (skor min 4.19, sp 0.57). Kajian juga mendapati bahawa wujud hubungan yang signifikan di antara nilai *mudarris* dengan elemen spiritual, komunikasi, kepimpinan dan berpasukan. Manakala kekuatan pengaruh nilai *murabbi* dan *muallim* ke atas elemen spiritual adalah 27%, pengaruh nilai *muallim* dan *mursyid*; ke atas komunikasi 36%, pengaruh nilai *murabbi* dan *muallim* ke atas elemen kepimpinan adalah 47%, pengaruh nilai *murabbi* dan *muallim* ke atas elemen berpasukan adalah 43% dan hanya 30% kekuatan pengaruh nilai *mursyid*, *muallim* dan *murabbi* ke atas elemen globalisasi.

Kata kunci : pelajar IPG, nilai pendidikan islamik, kemahiran insaniah, kekuatan hubungan, sumbangan kepada pembolehubah.

Abstract

The application of Islamic educational values such as mudarris, muaddib, murabbi, mursyid and muallim or 5M and the element of Soft Skills are very important for students in the teaching institute as they are future teachers and will face many challenges. The purpose of this study is to look at the relationship of 5M values in the teaching and learning exercises they have undergone during Practices Phase 1 and 2 in schools and the application of soft skills among them. This study is a descriptive survey and inference study involving final year students of the Bachelor of Education Program at the IPG Islamic Education Campus. The findings of this study show that Islamic educational values with the highest mean scores were moderate (mean 4.58, sp 0.45) and,

lowest mean scores were *mudarris* (mean 4.13, sp 0.48). Whereas the soft skills element with the highest mean score was team element (mean score 4.46, sp 0.45) and the lowest mean score was the globalization element (mean score 4.19, sp 0.57). The study also found that there was a significant relationship between the value of *mudarris* and the spiritual, communication, leadership and team elements among students. Cultural values also show significant relationships with spiritual, communication, leadership and team elements. Whereas the values of *murabbi*, *mursyid* and *muallim* show significant relationship with the five elements of spirituality, spirituality, communication, leadership, teamwork and globalization. This result illustrates that the practice of 5M values among students during their practicum also applies these soft elements. While the influence of *murabbi* and *muallim* values on spiritual elements was 27%, the influence of *muallim* and *mursyid* values; on 36% communication, the influence of *murabbi* and *muallim* values on the leadership element is 47%, the influence of *murabbi* and *muallim* on team elements is 43% and only 30% influence on the values of *mursyid*, *muallim* and *murabbi* on the elements of globalization.

Keywords: IPG students, Islamic educational values, soft skills, relationship strength, contribution to variables.

Nilai pendidikan islamik yang terdiri daripada *mudarris*, *muaddib*, *murabbi*, *mursyid* dan *muallim* merupakan nilai-nilai penting yang seharusnya disadari dan diamalkan oleh para pelajar bakal guru di Institut Perguruan. Pengaplikasian nilai-nilai tersebut di dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) akan menjadikan proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) lebih bermakna dan afektif. Malah menghubungkan nilai-nilai tersebut dengan elemen kemahiran insaniah (*soft skills*) akan lebih memantapkan pengajaran, meninggalkan kesan positif kepada murid serta menjadikan guru lebih kompeten dalam profesionnya.

Pernyataan masalah

Walaupun pelbagai program dan kursus yang telah dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia namun, golongan guru khususnya guru Pendidikan islam (GPI) masih dibelenggu dengan pelbagai kelemahan seperti pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang kurang berkualiti kesan daripada kurangnya penguasaan ilmu pedagogi pendidikan (Anuar dan Jingga, 2015; Nik Azis & Roshara'madan, 2015). Ini merupakan cabaran kepada para guru tambahan pula wujudnya cabaran-cabaran semasa seperti perkembangan luar biasa pengaruh negatif alat eletronik terhadap dunia pendidikan sehingga berupaya menjejaskan kemahiran insaniah serta potensi murid dalam pembelajaran mereka. Gelombang kedua Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM2016-2020) telah menunjukkan kepada kita usaha ke arah pemantapan kurikulum iaitu dengan memperkenalkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran serta aplikasi nilai dalam kalangan murid-murid. Hal ini berkait rapat dengan kemahiran guru menjalankan PdPc. Justeru, keperluan kepada kecekapan guru mengendalikan PdPc tidak dapat dinafikan. Para GPI perlu mahir mengaplikasikan nilai pendidikan islamik 5M iaitu *mudarris*, *muaddib*, *murabbi*, *mursyid* dan *muallim* di samping menghubungkaitkannya dengan kemahiran insaniah, bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran sehingga dapat membentuk pelajar menjadi generasi yang cemerlang secara seimbang; di antara akhlak dan akademik.

Objektif Kajian

Tujuan kajian adalah melihat aplikasi kemahiran pelajar IPG dalam 5M (mengikut ciri guru dalam Islam) dan hubungan serta sumbangan 5M kepada kemahiran insaniah pelajar IPG. Secara khususnya objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti tahap aplikasi ciri nilai pendidikan Islam (5M) dan Kemahiran Insaniah dalam kalangan pelajar IPG
2. Mengenal pasti hubungan aplikasi ciri nilai pendidikan Islam (5M) dan Kemahiran Insaniah dalam kalangan pelajar IPG
3. Mengenal pasti sumbangan aplikasi ciri nilai pendidikan Islam (5M) ke atas Kemahiran Insaniah dalam kalangan pelajar IPG

Soalan Kajian

1. Apakah pasti tahap aplikasi ciri nilai pendidikan Islam (5M) dan Kemahiran Insaniah dalam kalangan pelajar IPG?
2. Adakah wujud hubungan aplikasi ciri nilai pendidikan Islam (5M) dan Kemahiran Insaniah dalam kalangan pelajar IPG?
3. Adakah terdapat sumbangan aplikasi ciri nilai pendidikan Islam (5M) ke atas Kemahiran Insaniah dalam kalangan pelajar IPG?

Tinjauan Literatur

Nilai *mudarris* merujuk kepada kata dasar bahasa arab *darasa* beerti belajar, manakala *darrasa* merujuk kepada mengajar Nilai *muaddib* pula bermaksud mendidik adab, yang berasal daripada kata dasar *aduba, ya'dubu*, adab *murabbi* bererti mengasuh dan mendidik, *mursyid* bermaksud memnunjukkan jalan atau memberi panduan serta *muallim* memberi ilmu pengetahuan iaitu daripada kata dasar '*alima, ya'lamu*. (Ibn Manzur, 1997:79, 206, 207 dan 229).

Kajian yang dijalankan oleh Noor Lela dan Nor Atikah (2018) berkaitan kemahiran insaniah dalam kalangan guru pelatih mendapati kemahiran komunikasi dalam kalangan guru pelatih hanya mencapai tahap sederhana tinggi. Kajian mereka juga mendapati bahawa program latihan praktikum memberi kesan positif kepada pembangunan profesional dan kemahiran insaniah guru pelatih sebagai seorang pendidik.

Metodologi

i. Lokasi dan sampel

Kajian ini dilaksanakan ke atas 126 pelajar PISMP tahun akhir di IPG Kampus Pendidikan Islam yang telah menjalankan praktikum Fasa 1 dan 2 melibatkan major Pendidikan Islam, Bahasa Melayu, Pendidikan Awal Kanak-kanak dan Bahasa Arab.

ii. Instrumen

Kajian menggunakan dua jenis instrumen, iaitu instrumen Ciri Nilai Pendidikan Islamik, mengandungi lima ciri, iaitu *mudarris, muaddib, murabbi, Mursyid* dan *Muallim*. Setiap konstruk

mempunyai 10 item dengan nilai kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* setiap konstruk antara 0.81 hingga 0.93. Manakala instrumen Kemahiran Insaniah dalam Pembelajaran yang diadaptasi daripada Kemahiran Insaniah Sekolah Berprestasi Tinggi (2012) mengandungi lima elemen, iaitu Kerja Berpasukan (5 item), Kepimpinan (6 item), Spiritual (5 item), Komunikasi (8 item) dan Globalisasi (6 item). nilai kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* setiap elemen antara 0.79 hingga 0.91.

iii. Penganalisan data

Data dianalisis secara deskriptif, iaitu min dan sisihan piawai, serta statistik inferensi iaitu Korelasi Pearson dan Regresi Berganda jenis *stepwise*. Tahap min ditentukan dengan nilai min 1.00 hingga 2.33 (rendah), 2.34 hingga 3.66 (sederhana) dan 3.67 hingga 5.00 (tinggi). Manakala kekuatan hubungan pula ditentukan dengan nilai korelasi 0.01 hingga 0.20 (sangat lemah), 0.21 hingga 0.40 (lemah), 0.41 hingga 0.60 (sederhana), 0.61 hingga 0.80 (kuat) dan melebihi 0.80 (sangat kuat) (Guilford 1973).

Dapatan Kajian

Objektif Kajian 1: Tahap aplikasi ciri nilai pendidikan Islam (5M) dan Kemahiran Insaniah dalam kalangan pelajar IPG

Dapatan dalam Jadual 1 menunjukkan nilai *muaddib* paling tinggi iaitu 4.58 (sp 0.45), diikuti *murabbi* (min 4.37, sp 0.41), *mursyid* (min 4.33, sp 0.41), seterusnya *muallim* (min 4.19, sp 0.44) dan paling rendah adalah *mudarris* (min 4.13, sp 0.48). Bagi kemahiran insaniah pula, berpasukan adalah paling tinggi dengan min 4.46 (sp 0.45). Diikuti kepimpinan (min 4.44, sp 0.41), spiritual (min 4.39, sp 0.45), seterusnya komunikasi (min 4.31, sp 0.40) dan paling rendah adalah globalisasi (min 4.19, sp 0.57). Dapatan untuk elemen komunikasi adalah tinggi dan ini menolak dapatan Noor Lela dan Nor Atikah (2018) yang mendapati elemen komunikasi dalam kalangan guru pelatih adalah sederhana tinggi.

Jadual 1

Tahap nilai min bagi Nilai 5M dan Kemahiran Insaniah Pelajar

Konstruk	Sampel	Min	Sisihan Piawai
<i>Muaddib</i>	126	4.58	0.45
<i>Murabbi</i>	126	4.37	0.41
<i>Mursyid</i>	125	4.33	0.41
<i>Muallim</i>	126	4.19	0.44
<i>Mudarris</i>	126	4.13	0.48
Berpasukan	125	4.46	0.45
Kepimpinan	125	4.44	0.41
Spiritual	125	4.39	0.45

Komunikasi	126	4.31	0.40
Globalisasi	124	4.19	0.57

Objektif Kajian 2 : Hubungan 5M dengan kemahiran insaniah

Hasil kajian menunjukkan pekali korelasi antara nilai *mudarris* dengan elemen spiritual ialah $r = .000$ pada aras kesignifikanan $p < 0.01$. Hal ini menunjukkan terdapat hubungan antara nilai *mudarris* dengan elemen spiritual, komunikasi, kepimpinan dan elemen berpasukan dalam kalangan para pelajar. Nilai *muaddib* juga menunjukkan hubungan yang signifikan dengan elemen spiritual, komunikasi, kepimpinan dan berpasukan.

Manakala nilai *murabbi*, *mursyid* dan *muallim* menunjukkan wujudnya hubungan yang signifikan dengan kelima-lima elemen insaniah iaitu spiritual, komunikasi, kepimpinan, berpasukan dan globalisasi. Keputusan ini memberi gambaran bahawa amalan nilai 5M dalam kalangan para pelajar ketika menjalani praktikum turut mengaplikasikan elemen-elemen insaniah tersebut.

Jadual 2

Hubungan 5M dengan kemahiran insaniah

		Spiritual	Komunikasi	Kepimpinan	Berpasukan	Globalisasi
<i>mudarris</i>	Pearson Correlation	.363**	.320**	.420**	.351**	.271**
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000	.000	.002
<i>muaddib</i>	Pearson Correlation	.306**	.352**	.404**	.370**	.264**
	Sig. (2-tailed)	.001	.000	.000	.000	.003
<i>murabbi</i>	Pearson Correlation	.471**	.479**	.640**	.600**	.477**
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000	.000	.000
<i>mursyid</i>	Pearson Correlation	.408**	.530**	.495**	.531**	.485**
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000	.000	.000
<i>muallim</i>	Pearson Correlation	.459**	.541**	.549**	.548**	.460**
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000	.000	.000

* signifikan pada aras 0.05

** signifikan pada aras 0.01

Objektif Kajian 3 : Sumbangan nilai ciri pendidikan Islam (5M) terhadap kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar.

i. Sejauh manakah sumbangan 5M kepada kemahiran insaniah (spiritual) pelajar ?

Jadual 3 menunjukkan rumusan model yang diperoleh daripada analisis ujian linear regresi pertama. Dengan merujuk kepada Model 2, nilai R (*Multiple Correlation Coefficient*) yang diperoleh ialah 0.532. Ini menunjukkan kekuatan hubungan antara Murabbi dan Muallim ke atas

kemahiran insaniah (spiritual). Bagaimana pun, nilai yang harus diberi perhatian ialah *R squared* (R^2) yang menggambarkan *Coefficient of Determination*. Dalam model 2 ini nilai R^2 yang diperolehi ialah 0.272 (27%) dan ini merupakan nilai peratus varians yang dikongsi bersama antara pemboleh ubah kemahiran spiritual dan ke dua-dua pemboleh ubah tidak bersandar (5M) iaitu *murabbi* dan *muallim*. Berdasarkan dapatan di Jadual 3 di bawah, dapat difahami bahawa nilai *murabbi* dan *muallim* mempengaruhi sehingga 27% terhadap pemboleh ubah bersandar iaitu elemen spiritual.

Jadual 3
Rumusan Model (*Model Summary*)

Model	R	R^2	Adjusted R^2	Std. Error of the Estimate	R^2 Change
1	0.471 ^a	0.222	0.216	1.40047	0.222
2	0.532^b	0.283	0.272	1.38594	0.061

- a. Peramal: (*Constant*), *Murabbi*
 b. Peramal: (*Constant*), *Murabbi*, *Muallim*
 Pemboleh ubah bersandar: spiritual

ii. Sejauh manakah sumbangan 5M kepada kemahiran insaniah (komunikasi) pelajar ?

Jadual 4 menunjukkan rumusan model yang diperolehi daripada analisis ujian linear regresi kedua. Dengan merujuk kepada Model 2, nilai R (*Multiple Correlation Coefficient*) yang diperolehi ialah 0.605. Ini menunjukkan kekuatan hubungan antara *muallim* dan *mursyid* ke atas kemahiran insaniah (komunikasi). Bagaimana pun, nilai yang harus diberi perhatian ialah *R Squared* (R^2) yang menggambarkan *Coefficient of Determination*. Dalam model 2 ini nilai R^2 yang diperolehi ialah 0.355 (atau 36%) dan ini merupakan nilai peratus varians yang dikongsi bersama antara pemboleh ubah kemahiran komunikasi dan ke dua-dua pemboleh ubah tidak bersandar (5M) iaitu *muallim* dan *mursyid*. Berdasarkan dapatan dalam jadual 4 di bawah, dapat difahami bahawa nilai pendidikan islamik iaitu *muallim* dan *mursyid* mempengaruhi pemboleh ubah bersandar iaitu elemen komunikasi dengan kadar 36%.

Jadual 4
Rumusan Model (*Model Summary*)

Model	R	R^2	Adjusted R^2	Std. Error of the Estimate	R^2 Change
1	.540 ^a	.292	.286	.34148	.292
2	.605^b	.366	.355	.32443	.074

- a. Peramal: (*Constant*), *Muallim*
 b. Peramal: (*Constant*), *Muallim*, *Mursyid*
 Pemboleh ubah bersandar: komunikasi

iii. Sejauh manakah sumbangan 5M kepada kemahiran insaniah (kepimpinan) pelajar ?

Jadual 5 menunjukkan rumusan model yang diperolehi daripada analisis ujian linear regresi ketiga. Dengan merujuk kepada Model 2, nilai R (*Multiple Correlation Coefficient*) yang diperolehi ialah 0.687 (kepimpinan). Bagaimanapun, nilai yang harus diberi perhatian ialah *R Squared* (R^2) yang

menggambarkan *Coefficient of Determination*. Dalam model 2 ini nilai R^2 yang diperolehi ialah 0.472 (47%) dan ini merupakan nilai peratus varians yang dikongsi bersama antara pemboleh ubah kemahiran kepimpinan dan ke dua-dua pemboleh ubah tidak bersandar (5M) iaitu *murabbi* dan *muallim*. Ini bermaksud, nilai *murabbi* dan *muallim* mempengaruhi elemen kepimpinan pelajar sebanyak 47%.

Jadual 5
Rumusan Model (Model Summary)

Model	R	R^2	Adjusted R^2	Std. Error of the Estimate	R^2 Change
1	.640 ^a	.410	.405	.32354	.410
2	.687^b	.472	.463	.30735	.062

- a. Peramal: (Constant), *murabbi*
 b. Peramal: (Constant), *murabbi*, *muallim*
 Pemboleh ubah bersandar: kepimpinan

iv. Sejauh manakah sumbangan 5M kepada kemahiran insaniah (berpasukan) pelajar ?

Jadual 6 menunjukkan rumusan model yang diperolehi daripada analisis ujian linear regresi keempat. Dengan merujuk kepada Model 2, nilai R (*Multiple Correlation Coefficient*) yang diperolehi ialah 0.659 (berpasukan). Bagaimanapun, nilai yang harus diberi perhatian ialah R Squared (R^2) yang menggambarkan *Coefficient of Determination*. Dalam model 2 ini nilai R^2 yang diperolehi ialah 0.426 (atau 43%) dan ini merupakan nilai peratus varians yang dikongsi bersama antara pemboleh ubah kemahiran berpasukan dan ke dua-dua pemboleh ubah tidak bersandar (5M) iaitu *murabbi* dan *muallim*; bermaksud, nilai *murabbi* dan *muallim* mempengaruhi elemen berpasukan pelajar sebanyak 43%.

Jadual 6
Rumusan Model (Model Summary)

Model	R	R^2	Adjusted R^2	Std. Error of the Estimate	R^2 Change
1	.600 ^a	.360	.355	.36401	.360
2	.659^b	.435	.426	.34351	.075

- a. Peramal: (Constant), *murabbi*
 b. Peramal: (Constant), *murabbi*, *muallim*
 Pemboleh ubah bersandar (berpasukan).

iv. Sejauh manakah sumbangan 5M kepada kemahiran insaniah (globalisasi) pelajar ?

Jadual 7 di bawah menunjukkan rumusan model yang diperolehi daripada analisis ujian linear regresi keempat. Dengan merujuk kepada Model 2, nilai R (*Multiple Correlation Coefficient*) yang diperolehi ialah 0.659 (globalisasi). Bagaimanapun, nilai R Squared (R^2) yang menggambarkan *Coefficient of Determination* dalam model 2 nilai R^2 yang diperolehi ialah 0.274 (27%) dan ini merupakan nilai peratus varians yang dikongsi bersama antara pemboleh ubah kemahiran insaniah elemen globalisasi dan ke dua-dua pemboleh ubah tidak bersandar (5M) iaitu *mursyid* dan *muallim*.

Manakala pada model 3, nilai peratus varians R^2 yang diperolehi ialah 0.296 (30%) merupakan nilai peratus yang dikongsi bersama antara elemen globalisasi dengan tiga pemboleh ubah tidak bersandar 5M iaitu *mursyid*, *muallim* dan *murabbi*.

Jadual 7

Rumusan Model (Model Summary)

Model	R	R^2	Adjusted R^2	Std. Error of the Estimate	R^2 Change
1	.485^a	.235	.229	.50356	.235
2	.535^b	.286	.274	.48842	.051
3	.560^c	.314	.296	.48092	.027

a. Peramal: (Constant), *mursyid*

b. Peramal: (Constant), *mursyid*, *muallim*

c. Peramal: (Constant), *mursyid*, *muallim*, *murabbi*

Pembolehubah bersandar: globalisasi

Perbincangan dan Cadangan

Para pelajar bakal guru hendaklah menyedari bahawa tanggungjawab yang digalas oleh golongan guru Pendidikan Islam (GPI) untuk membentuk sikap dan keperibadian pelajar yang berteraskan al-Quran dan sunnah bukanlah suatu perkara yang mudah (Fathiyah, 2013) Oleh itu, proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam perlu diberi perhatian serius oleh setiap GPI untuk merealisasikan misi dan visi pendidikan Islam. Menggabungkan nilai pendidikan islamik dengan elemen-elemen kemahiran insaniah merupakan langkah terbaik bagi keberkesanan pengajaran Bahkan di samping memastikan keberkesanan pengajaran, yang lebih penting ialah membentuk keperibadian pelajar berdasarkan al-Quran dan Sunnah.

Kajian ini mendapati bahawa pengaruh nilai *murabbi* dan *muallim* ke atas elemen kepimpinan merupakan peratusan tertinggi dalam kajian ini iaitu sebanyak 47%. Ini memberi gambaran bahawa dalam membentuk kemahiran kepimpinan dalam kalangan pelajar, guru sangat perlu mengaplikasikan nilai *murabbi* dan *muallim* kerana kedua-dua nilai ini didapati dominan mempengaruhi elemen-elemen kemahiran insaniah yang lain dalam kajian ini iaitu spiritual, komunikasi,berpasukan dan globalisasi. Kajian ini boleh ditambahbaik dengan menggunakan pendekatan kualitatif seperti temubual pelajar bagi menyokong dapatan kuantitatif.

Rujukan

Anuar Ahmad dan Jingga Nelson. (2015). Pengaruh kompetensi kemahiran guru dalam pengajaran terhadap pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran Sejarah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(2), 1-11.

Fathiyah Mohd. Fakhruddin, Nor Hayati Alwi, Azimi Hamzah, dan Lukman Abd. Mutalib. (2013). Pemahaman dan pengalaman guru pendidikan Islam menerapkan elemen amalan dalam pengajaran. *The Online Journal of Islamic Education*, 1(1), 1-16

Guilford, J. P. (1966). *Measurement and creativity. Theory into Practice*. 5(4), 186–202.

Guilford, J. P., Christensen, P. R. (1973). *The one-way relation between creative potential and IQ*. *J. Creat. Behav.* 7:247–52.

- Ibn Manzur, (1997). *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar Sodik al-Mutoba'ah wa al-Nasyr. Sofhah 79, 206, 207, 229.
- Jurnal Pendidikan Malaysia 43(2)(2018): 17-27 doi: <http://dx.doi.org/10.17576/JPEN-2018-43.02-02> Program Praktikum Sebagai Medium Penguatan Kemahiran Insaniah dalam Kalangan Guru Pelatih (Practical Programme as a Medium to Strengthen Soft-Skills Among Trainee Teachers).
- Kemahiran Insaniah Sekolah Berprestasi Tinggi (2012). *Buku Garis Panduan Kemahiran Insaniah Sekolah Menengah*, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Nik Azis, Nik Pa, dan Roshara'madan, Mohd Hashim. (2015). Makna akhlak bagi seorang murid tahun lima. *The Online Journal of Islamic Education*, 3(1), 4153.
- Noor Lela Ahmad & Nor Atikah Majid. (2018). Program praktikum sebagai medium penguatan kemahiran insaniah dalam kalangan guru pelatih. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 43(2)(2018): 17-27.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013–2025). *Ringkasan Eksekutif*. Kementerian Pendidikan Malaysia.